

BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN

4.0 : Pengenalan

Bab ini akan membentangkan hasil analisis data kajian dan diskripsinya adalah berdasarkan persoalan kajian iaitu tahap kebimbangan, punca-punca kebimbangan dan perhubungan tahap kebimbangan berdasarkan jantina di kalangan guru-guru yang sedang mengajar di beberapa buah sekolah di Pelabuhan Klang.

4.1 : Latar belakang responden

Responden kajian adalah terdiri daripada 73 orang guru yang sedang mengajar di beberapa buah sekolah di Pelabuhan Klang. Dari jadual 4.1 di bawah menunjukkan taburan kekerapan sampel mengikut jantina, kelayakan akademik dan pengalaman mengajar guru.

Jadual 4.1 : Maklumat Responden Mengikut Jantina.

Perkara	Kategori	Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	23	31.5 %
	Wanita	50	68.5 %

Berdasarkan jadual di atas taburan responden mengikut jantina menunjukkan bahawa responden wanita adalah lebih ramai berbanding responden lelaki. Jumlah responden wanita ialah seramai 50 orang iaitu sebanyak 68.5% manakala responden lelaki ialah seramai 23 orang iaitu sebanyak 31.5%.

4.2 Interpretasi Skor Min Tahap Kebimbangan Guru

Bagi menjawab persoalan kajian mengenai tahap kebimbangan profesional terhadap beberapa aspek yang merangkumi bidang kerjaya guru interpretasi skor min adalah seperti Jadual 4.2 digunakan.

Jadual 4.2 : Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
1.00 - 2.33	Tidak Bimbang
2.34 - 3.66	Bimbang
3.67 - 5.00	Sangat Bimbang

Jadual 4.2 menunjukkan interpretasi skor min bagi menentukan tahap kebimbangan profesional guru-guru terhadap beberapa aspek yang merangkumi bidang kerjaya guru-guru di sekolah. Skor min 1.00 hingga 2.33 adalah bagi tidak bimbang, 2.34 hingga 3.66 adalah bagi bimbang dan 3.67 hingga 5.00 adalah bagi sangat bimbang.

4.3 Tahap kebimbangan di kalangan guru-guru sekolah menengah harian yang dikaji.

Huraian dalam bahagian ini akan menjawab persoalan kajian pertama , iaitu tahap kebimbangan profesional guru-guru terhadap pihak pengurus dan pentadbir sekolah. Tahap kebimbangan guru-guru telah disusun mengikut urutan bermula dari tahap yang mendapat skor paling tinggi hingga kepada tahap yang mendapat skor yang paling rendah. Jadual di bawah menunjukkan bilangan, peratus dan min bagi tahap kebimbangan mengikut urutan tertinggi kepada yang terendah.

1. Pihak pengurus dan pentadbir

Jadual 4.3 : Taburan Kekerapan Tahap Kebimbangan Profesional Guru-Guru Terhadap Pihak Pengurus Dan Pentadbir Sekolah

Bil.	Pihak Pengurusan dan Pentadbir	Tahap Kebimbangan Guru (Kekerapan dan Peratus)					
		Sangat tidak bimbang	Tidak bimbang	Kadang-kadang bimbang	Bimbang	Sangat bimbang	Min
1	Bertindak tanpa berunding dahulu dengan guru	6 8.2%	9 12.3%	27 37.0%	18 24.7%	13 17.8%	3.32
2	Tidak menerima cadangan guru-guru	6 8.2%	10 13.7%	29 39.7%	14 19.2%	14 19.2%	3.27
3	Tidak mendapatkan persetujuan guru-guru terlebih dahulu sebelum meneruskan sesuatu perkara penting	5 6.8%	12 16.4%	27 37.0%	17 23.3%	12 16.4%	3.26

4	Mengenakan tekanan terhadap guru-guru	7 9.6%	11 15.1%	29 39.7%	14 19.2%	12 16.4%	3.18
5	Tidak perihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh guru-guru	7 9.6%	15 20.5%	23 31.5%	15 20.5%	13 17.8%	3.16
6	Harapan pihak pentadbir yang terlalu tinggi terhadap guru-guru	3 4.1%	16 21.9%	36 49.3%	13 17.8%	5 6.8%	3.01
7	Mengkritik kerja-kerja yang tidak bermutu secara terbuka	8 11.0%	19 26.0%	23 31.5%	12 16.4%	11 15.1%	2.99
8	Mendedahkan masalah peribadi guru	12 16.4%	18 24.7%	18 24.7%	10 13.7%	15 20.5%	2.97
9	Sikap pilih kasih dalam penilaian prestasi untuk kenaikan gaji (SSM)	7 9.6%	22 30.1%	23 31.5%	9 12.3%	12 16.4%	2.96
10	Mentadbir secara paksaan	9 12.3%	14 19.2%	33 45.2%	11 15.1%	6 8.2%	2.88
11	Enggan menjelaskan tindakan	9 12.3%	21 28.8%	21 28.8%	14 19.2%	8 11.0%	2.88
12	Pelbagai budaya sekolah	6 8.2%	19 26.0%	33 45.2%	11 15.1%	4 5.5%	2.83
13	Pelbagai corak iklim sekolah	5 6.8%	19 26.0%	36 49.3%	10 13.7%	3 4.1%	2.82
14	Melanjutkan pelajaran tidak digalakkan	16 21.9%	23 31.5%	12 16.4%	8 11.0%	14 19.2%	2.74
15	Menggunakan ugutan	16 21.9%	21 28.8%	14 19.2%	11 15.1%	11 15.1%	2.73
16	Mengikuti kursus dalam perkhidmatan tidak digalakkan	17 23.3%	25 34.2%	11 15.1%	5 6.8%	15 20.5%	2.67

Pada Jadual 4.3 skor min bagi tahap kebimbangan proesional guru-guru terhadap pihak pengurus dan pentadbir sekolah menunjukkan wujudnya perasaan bimbang di kalangan guru-guru. Item-item di bawah mempunyai nilai min antara 2.67 hingga 3.32. Pada keseluruhannya kesemua responden telah memperlihatkan

perasaan bimbang terhadap bagaimana pihak pengurus dan pentadbir menguruskan sekolah.

- Bagi item 1, iaitu tentang bertindak tanpa berunding dahulu dengan guru, min item ialah 3.32. Seramai 6 orang guru (8.2%) menyatakan sangat tidak bimbang sementara seramai 9 orang guru (12.3%) menyatakan tidak bimbang. Seramai 27 orang guru (37.0%) menyatakan kadang-kadang bimbang dan seramai 18 orang guru (24.7%) menyatakan bimbang, manakala seramai 13 orang guru (17.8%) menyatakan sangat bimbang dengan item ini. Ini bermakna hampir kesemua responden merasa bimbang dengan item ini dan ianya mampu meningkatkan tahap kebimbangan guru-guru di sekolah-sekolah yang dikaji.
- Bagi item 2, iaitu tentang tidak menerima cadangan guru-guru, min item ialah 3.27. Seramai 6 orang guru (8.2%) telah menyatakan sangat tidak bimbang sementara seramai 10 orang guru (13.7%) menyatakan tidak bimbang, seramai 29 orang guru (39.7%) menyatakan kadang-kadang bimbang manakala 14 orang guru (19.2%) telah menyatakan bimbang. Seramai 14 orang guru (19.2%) daripada 73 orang responden menyatakan sangat bimbang dengan item ini. Ini bermakna lebih daripada 50% responden merasa bimbang dengan item ini.
- Bagi item 3, iaitu tentang tidak mendapatkan persetujuan guru-guru terlebih dahulu sebelum meneruskan sesuatu perkara penting, min ialah 3.26. Seramai

5 orang responden (6.8%) telah bersetuju dengan sangat tidak bimbang, 12 orang responden (16.4%) bersetuju dengan tidak bimbang, seramai 27 orang responden (37.0%) bersetuju dengan kadang-kadang bimbang, 17 orang responden (23.3%) bersetuju dengan bimbang manakala seramai 12 orang responden (16.4%) merasa sangat bimbang dengan item ini. Ini bermaksud hampir kesemua responden merasa bimbang dengan ini.

- Bagi item 4, iaitu tentang mengenakan tekanan terhadap guru-guru, min item ialah 3.18, seramai 7 orang guru (9.6%) menyatakan sangat tidak bimbang , seorang guru (15.1%) telah menyatakan tidak bimbang , seramai 29 orang guru (39.7%) menyatakan kadang-kadang bimbang, 14 orang guru (19.2%) merasa bimbang manakala 12 orang guru (16.4%) merasa sangat bimbang dengan item ini. Ini bermaksud jumlah responden yang merasa bimbang dengan item ini adalah melebihi daripada jumlah yang tidak bimbang.
- Bagi item 5 iaitu tentang tidak perihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh guru-guru, min item ialah 3.16. Seramai 17 orang guru (9.6%) menyatakan sangat tidak bimbang , 15 orang guru (20.5%) menyatakan tidak bimbang , 23 orang guru (31.5%) menyatakan kadang-kadang bimbang, 15 orang guru (20.5%) menyatakan bimbang manakala 13 orang guru (17.8%) daripada 73 orang sampel merasa sangat dengan item ini. Ini bermaksud item ini amat mempengaruhi tahap kebimbangan responden memandangkan jumlah

responden yang merasa bimbang adalah melebihi responden yang tidak bimbang.

- Bagi item 6 iaitu tentang harapan pihak pentadbir yang terlalu tinggi terhadap guru-guru, min item ialah 3.01. Seramai 3 orang guru (4.1%) menyatakan sangat tidak bimbang , 16 orang guru (21.9%) menyatakan tidak bimbang , 36 orang guru (49.3%) menyatakan kadang-kadang bimbang , 13 orang (17.8%) menyatakan bimbang sementara 5 orang guru (6.8%) merasakan sangat bimbang dengan item ini. Ini bermakna hampir kesemua responden merasa bimbang dengan item ini dan ianya mampu meningkatkan tahap kebimbangan guru-guru di sekolah-sekolah yang dikaji.
- Bagi item 7 iaitu tentang mengkritik kerja-kerja yang tidak bermutu secara terbuka, min item ialah 2.99. Seramai 8 orang guru (11.0%) menyatakan sangat tidak bimbang, 19 orang guru (26.0%) menyatakan tidak bimbang , 23 orang guru (31.5%) menyatakan kadang-kadang bimbang,12 orang guru (16.4%) menyatakan bimbang manakala 11 orang guru (15.1%) menyatakan sangat bimbang. Ini bermaksud jumlah responden yang merasa bimbang dengan item ini adalah melebihi daripada jumlah yang tidak bimbang.
- Bagi item 8 iaitu tentang sikap pengurus dan pentadbir yang suka mendedahkan masalah peribadi guru, min item ialah 2.97. Seramai 12 orang guru (16.4%) menyatakan sangat tidak bimbang, 18 orang guru (24.7%)

menyatakan tidak bimbang dan kadang-kadang bimbang, 10 orang guru (13.7%) menyatakan bimbang manakala 15 orang guru (20.5%) telah menyatakan sangat bimbang dengan item ini. Ini bermaksud bahawa guru-guru merasa tidak bimbang dengan item ini, memandangkan jumlah responden yang tidak bimbang adalah melebihi responden yang bimbang.

- Bagi item 9 iaitu tentang sikap pilih kasih dalam penilaian prestasi untuk kenaikan gaji (SSM), min untuk item ini ialah 2.96. Seramai 7 orang guru (9.6%) merasa sangat tidak bimbang, 22 orang guru (30.1%) merasa tidak bimbang, 23 orang guru (31.5%) merasa kadang-kadang bimbang, 9 orang guru (12.3%) merasa bimbang dan 12 orang guru (16.4%) daripada 73 orang sampel merasa sangat bimbang dengan item ini. Ini bermakna hampir kesemua responden merasa bimbang dengan item ini dan ianya mampu meningkatkan tahap kebimbangan guru-guru di sekolah-sekolah yang dikaji.
- Bagi item 10 iaitu tentang mentadbir secara paksaan, min item ialah 2.88. Seramai 9 orang guru (12.3%) menyatakan sangat tidak bimbang, 14 orang guru (19.2%) menyatakan tidak bimbang, 33 orang guru (45.2%) menyatakan kadang-kadang bimbang, 11 orang guru (15.1%) menyatakan bimbang manakala 6 orang guru (8.2%) menyatakan sangat bimbang. Ini bermaksud bahawa guru-guru merasa tidak bimbang dengan item ini, memandangkan jumlah responden yang tidak bimbang adalah melebihi responden yang bimbang.

- Bagi item 11 iaitu tentang sikap pentadbir yang enggan menjelaskan tindakan, min item ialah 2.88 . Seramai 9 orang guru (12.3%) menyatakan sangat tidak bimbang. 14 orang guru (19.2%) menyatakan tidak bimbang, 21 orang guru (28.8%) menyatakan kadang-kadang bimbang, 14 orang guru (19.2%) menyatakan bimbang manakala 8 orang guru (11.0%) menyatakan sangat bimbang dengan item ini. Ini bermaksud bahawa guru-guru merasa bimbang dengan item ini. memandangkan jumlah responden yang bimbang adalah melebihi responden yang tidak bimbang.
- Bagi item 12 iaitu tentang pelbagai budaya sekolah, min item ialah 2.83. 6 orang guru (8.2%) merasa sangat tidak bimbang , 19 orang guru (26.0%) merasa tidak bimbang ,33 orang guru (45.2%) merasa kadang-kadang bimbang , 11 orang guru (15.1%) merasa bimbang manakala 4 orang guru (5.5%) merasa sangat bimbang dengan item ini. Ini bermaksud item ini amat mempengaruhi tahap kebimbangan responden memandangkan jumlah responden yang merasa bimbang adalah melebihi responden yang tidak bimbang.Walaupun jumlah teramai responden telah memilih kadang-kadang bimbang dengan item ini, namun ianya mampu mempengaruhi tahap kebimbangan yang dihadapi oleh guru-guru di sekolah –sekolah yang dikaji.

- Bagi item 13 iaitu tentang pelbagai corak iklim sekolah,min item ialah 2.82, Seramai 5 orang guru (6.8%) menyatakan sangat tidak bimbang , 19 orang guru (26.0%) menyatakan tidak bimbang, 36 orang guru (49.3%) menyatakan kadang-kadang bimbang, 10 orang guru (13.7%) menyatakan bimbang dan seramai 3 orang guru (4.1%) merasa sangat bimbang item ini. Ini bermakna hampir kesemua responden merasa bimbang dengan item ini dan ianya mampu meningkatkan tahap kebimbangan guru-guru di sekolah-sekolah yang dikaji.
- Bagi item 14 iaitu tentang melanjutkan pelajaran tidak digalakkan, min item ialah 2.74. Seramai 16 orang guru (21.9%) menyatakan sangat tidak bimbang , 23 orang guru (31.5%) menyatakan tidak bimbang ,12 orang guru (16.4%) menyatakan kadang-kadang bimbang ,8 orang guru (11.0%) menyatakan bimbang dan seramai 14 orang guru (19.2%) menyatakan sangat bimbang dengan item ini.Jelas kelihatan bahawa bagi item ini, jumlah responden yang tidak bimbang adalah melebihi responden yang bimbang.
- Bagi item 15 iaitu tentang pihak pentadbir yang suka menggunakan ugutan,min item ialah 2.73. Seramai 16 orang guru (21.9%) menyatakan sangat tidak bimbang ,21 orang guru (28.8%) menyatakan tidak bimbang ,14 orang guru (19.2%) menyatakan kadang-kadang bimbang seterusnya masing-masing tahap bimbang dan sangat bimbang adalah seramai 11 orang guru (15.1%).Ini bermaksud masih wujud perasaan bimbang di kalangan responden dengan item ini.Kebanyakan responden jelas bimbang dengan item ini memandangkan

pihak pengurus dan pentadbir adalah merupakan orang yang mempunyai kuasa autonomi ke atas guru-guru serta orang yang bertanggungjawab untuk menentukan perjalanan sesebuah sekolah. Semestinya guru-guru akan rasa tertekan sekiranya pihak pentadbir menggunakan ugutan demi untuk melaksanakan sebarang arahan.

- Bagi item 16 iaitu tentang mengikuti kursus dalam perkhidmatan tidak digalakkan. min item ialah 2.67. Seramai 17 orang guru (23.3%) menyatakan sangat tidak bimbang ,25 orang guru (34.2%) menyatakan tidak bimbang, 11 orang guru (15.1%) menyatakan kadang-kadang bimbang , 5 orang guru (6.8%) menyatakan bimbang manakala seramai 15 orang guru (20.5%) menyatakan sangat bimbang dengan item ini.Bagi item ini jelas kelihatan jumlah responden yang tidak bimbang mengatasi jumlah responden yang bimbang. Ini bermaksud ramai guru yang sememangnya tidak berminat untuk mengikuti kursus dalam perkhidmatan, oleh yang demikian tidak wujud perasaan bimbang di kalangan guru-guru sekiranya tidak digalakkan oleh pentadbir untuk mengikuti sebarang kursus dalam perkhidmatan.

Secara keseluruhannya didapati bahawa kesemua item berada pada tahap bimbang dan ini dapat ilihat dengan jelas dalam Jadual 4.3 di atas. Keputusan ini menggambarkan bahawa berasa bimbang dengan pihak pengurus dan pentadbir sekolah.

2. Rakan Sekerja

Jadual 4.4 : Taburan Kekerapan Tahap Kebimbangan Profesional Guru-Guru Terhadap Rakan Sekerja

Bil.	Rakan Sekerja	Tahap Kebimbangan Guru (Kekerapan dan Peratus)					
		Sangat tidak bimbang	Tidak bimbang	Kadang-kadang bimbang	Bimbang	Sangat bimbang	Min
17	Sikap suka berpuak-puak	9 12.3%	17 23.3%	23 31.5%	11 15.1%	12 16.4%	3.11
18	Rakan sekerja yang suka mengadu kepada pihak pentadbir	7 9.6%	17 23.3%	27 37.0%	9 12.3%	13 17.8%	3.05
19	Rakan sekerja yang tidak bekerjasama	10 13.7%	23 31.5%	25 34.2%	12 16.4%	3 4.1%	2.66
20	Kritikan negatif oleh rakan	9 12.3%	28 38.4%	23 31.5%	8 11.0%	5 6.8%	2.61
21	Sikap tidak mesra di kalangan guru-guru	16 21.9%	25 34.2%	17 23.3%	8 11.0%	7 9.6%	2.52

Pada Jadual 4.4 skor min bagi tahap kebimbangan profesional guru-guru terhadap rakan sekerja menunjukkan wujudnya perasaan bimbang di kalangan guru-guru. Item-item di dalam jadual di atas mempunyai nilai min antara 2.52 hingga 3.11. Pada keseluruhannya kesemua sampel telah memperlihatkan perasaan bimbang terhadap tindakan rakan sekerja sewaktu bertugas sekolah. Dapatan kajian adalah seperti berikut :

- Bagi item 17 iaitu tentang sikap suka berpuak-puak, skor min yang diperolehi adalah 3.11. Ini menunjukkan bahawa skor min tersebut berada pada tahap bimbang yang mana seramai 9 orang guru (12.3%) menyatakan sangat tidak bimbang. 17 orang guru (23.3%) menyatakan tidak bimbang. 23 orang guru (31.5%) menyatakan kadang-kadang bimbang, 11 orang guru (15.1%) menyatakan bimbang manakala seramai 12 orang guru (16.4%) menyatakan sangat bimbang. Ini bermakna hampir kesemua responden merasa bimbang dengan item ini dan ianya mampu meningkatkan tahap kebimbangan guru-guru di sekolah-sekolah yang dikaji.
- Bagi item 18 iaitu tentang rakan sekerja yang suka mengadu kepada pihak pentadbir, skor min yang diperolehi adalah 3.05. Seramai 7 orang guru (9.6%) menyatakan sangat tidak bimbang, 17 orang guru (23.3%) menyatakan tidak bimbang, 27 orang guru (37.0%) menyatakan kadang-kadang bimbang. 9 orang (12.3%) menyatakan bimbang dan seramai 13 orang guru (17.8%) menyatakan sangat bimbang dengan item ini. Ini bermaksud item ini amat mempengaruhi tahap kebimbangan responden memandangkan jumlah responden yang merasa bimbang adalah melebihi responden yang tidak bimbang. Walaupun jumlah teramai responden telah memilih kadang-kadang bimbang dengan item ini, namun ianya mampu mempengaruhi tahap kebimbangan yang dihadapi oleh guru-guru di sekolah-sekolah yang dikaji.

- Bagi item 19 iaitu tentang rakan sekerja yang tidak bekerjasama, min item ialah 2.66. Seramai 10 orang guru (13.7%) menyatakan sangat tidak bimbang, 23 orang guru (31.5%) menyatakan tidak bimbang, 25 orang guru (34.2%) menyatakan kadang-kadang bimbang, 12 orang guru (16.4%) menyatakan bimbang, manakala jumlah yang terkecil daripada 73 orang responden iaitu seramai 3 orang guru (4.1%) menyatakan sangat bimbang. Ini bermaksud responden masih bimbang dengan item ini. Walaupun jumlah teramai responden telah memilih kadang-kadang bimbang dengan item ini, namun ia hanya mampu mempengaruhi tahap kebimbangan yang dihadapi oleh guru-guru di sekolah –sekolah yang dikaji.
- Bagi item 20 iaitu tentang kritikan negatif oleh rakan, min item ialah 2.61. Seramai 9 orang guru (12.3%) menyatakan sangat tidak bimbang, 28 orang guru (34.2%) menyatakan tidak bimbang, 23 orang guru (31.5%) menyatakan kadang-kadang bimbang, 8 orang guru (11.0%) menyatakan bimbang manakala seramai 5 orang guru (6.8%) menyatakan sangat bimbang. Untuk item ini jumlah responden yang menyatakan tidak bimbang adalah lebih ramai daripada responden yang menyatakan bimbang. Jelas kelihatan item ini tidak mendatangkan kebimbangan di kalangan responden, berkemungkinan di kalangan guru-guru telah ada satu perhubungan yang rapat menyebabkan mereka menerima sebarang kritikan negatif rakan-rakan sebagai suatu perkara yang tidak membimbangkan.

- Bagi item 21 iaitu tentang sikap tidak mesra di kalangan guru-guru, min item ialah 2.52. Seramai 16 orang guru (21.9%) menyatakan sangat tidak bimbang, 25 orang guru (34.2%) bersetuju dengan tidak bimbang, 17 orang guru (23.3%) menyatakan kadang-kadang bimbang, 8 orang guru (11.0%) menyatakan bimbang manakala 7 orang guru (9.6%) menyatakan sangat bimbang. Bagi item ini jelas kelihatan jumlah responden yang tidak bimbang mengatasi jumlah responden yang bimbang. Ini bermaksud perhubungan antara guru-guru mungkin akrab dan ramai responden memilih untuk tidak bimbang dengan item ini.

Secara keseluruhanya didapati bahawa kesemua item berada pada tahap tidak bimbang walaupun masih wujud perasaan bimbang pada sebilangan kecil responden dan ini dapat ilihat dengan jelas dalam Jadual 4.4 di atas. Keputusan ini menggambarkan bahawa guru-guru berasa tidak bimbang dengan sikap rakan sekerja. Keputusan ini juga menggambarkan bahawa guru-guru telahpun menjalankan perhubungan yang rapat sesama sendiri serta dapat menjalankan setiap aktiviti yang dirancang dan dijalankan oleh pihak sekolah secara berkumpulan dengan baik dan berkesan.

3. Pelajar-pelajar

Jadual 4.5 : Kekerapan Taburan Tahap Kebimbangan Profesional Guru-Guru Terhadap Pelajar- Pelajar.

Bil.	Pelajar-pelajar	Tahap Kebimbangan Guru (Kekerapan dan Peratus)					
		Sangat tidak bimbang	Tidak bimbang	Kadang-kadang bimbang	Bimbang	Sangat bimbang	Min
22	Pelajar yang tidak berminat dalam pelajaran	4 5.5%	7 9.6%	18 24.7%	21 28.8%	23 31.5%	3.71
23	Sikap dan penerimaan murid terhadap pengajaran	3 4.1%	11 15.1%	32 43.8%	21 28.8%	6 8.2%	3.22
24	Pengurusan dan kawalan kelas ,pelajar bermasalah disiplin	8 11.0%	10 13.7%	27 37.0%	21 28.8%	7 9.6%	3.12
25	Reaksi pelajar terhadap tindakan guru	6 8.2%	21 28.8%	30 41.1%	12 16.4%	4 5.5%	2.82
26	Hubungan pelajar dan guru yang tidak mesra	5 6.8%	28 38.4%	27 37.0%	9 12.3%	4 5.5%	2.71

Pada Jadual 4.5 skor min bagi tahap kebimbangan profesional guru-guru sikap pelajar-pelajar menunjukkan wujudnya perasaan bimbang di kalangan guru-guru.Item-item di dalam jadual di atas mempunyai nilai min antara 2.71 hingga 3.71.Pada keseluruhannya kesemua sampel telah memperlihatkan perasaan bimbang terhadap sikap dan masalah yang melibatkan pelajar-pelajar sewaktu bertugas sekolah.Dapatan kajian adalah seperti berikut :

- Bagi item 22 iaitu tentang pelajar yang tidak berminat dalam pelajaran, min item ialah 3.71, seramai 4 orang guru (5.5%) menyatakan sangat tidak bimbang, 7 orang guru (9.6%) menyatakan tidak bimbang, 18 orang guru (24.7%) menyatakan kadang-kadang bimbang, 21 orang guru (28.8%) menyatakan bimbang manakala jumlah yang terbesar iaitu sebanyak 23 orang sampel (31.5%) daripada 73 orang guru menyatakan sangat bimbang. Ini bermaksud bahawa guru-guru merasa bimbang dengan item ini, memandangkan jumlah responden yang bimbang adalah melebihi responden yang tidak bimbang. Keadaan ini berlaku kerana ianya melibatkan prestasi akademik pelajar seterusnya keputusan peperiksaan sekolah.

- Bagi item 23 iaitu tentang sikap dan penerimaan murid terhadap pengajaran, min item ialah 3.22. Seramai 3 orang guru (4.1%) menyatakan sangat tidak bimbang, 11 orang guru (15.1%) menyatakan tidak bimbang, 32 orang guru (43.8%) menyatakan kadang-kadang bimbang, 21 orang guru (28.8%) menyatakan bimbang manakala 6 orang guru (8.2%) menyatakan sangat bimbang. Ini bermaksud responden masih bimbang dengan item ini. Walaupun jumlah teramai responden telah memilih kadang-kadang bimbang dengan item ini, namun ianya mampu mempengaruhi tahap kebimbangan yang dihadapi oleh guru-guru di sekolah –sekolah yang dikaji.

- Bagi item 24 iaitu tentang pengurusan dan kawalan kelas, pelajar bermasalah disiplin min item ialah 3.12. Seramai 8 orang guru (11.0%) menyatakan sangat tidak bimbang, 10 orang guru (13.7%) menyatakan tidak bimbang, 27 orang guru (37.0%) menyatakan kadang-kadang bimbang, 21 orang guru (28.8%) menyatakan bimbang dan 7 orang guru (9.6%) menyatakan sangat bimbang. Ini bermaksud responden masih bimbang dengan item ini. Walaupun jumlah teramai responden telah memilih kadang-kadang bimbang dengan item ini, namun ianya mampu mempengaruhi tahap kebimbangan yang dihadapi oleh guru-guru di sekolah –sekolah yang dikaji.
- Bagi item 25 iaitu tentang reaksi pelajar terhadap tindakan guru, min item ialah 2.82. Seramai 6 orang guru (8.2%) telah menyatakan sangat tidak bimbang, 21 orang guru (28.8%) menyatakan tidak bimbang, 30 orang guru (41.1%) menyatakan kadang-kadang bimbang, 12 orang guru (16.4%) menyatakan bimbang dan seramai 4 orang guru (5.5%) telah menyatakan sangat bimbang bagi item ini. Masih wujud perasaan bimbang berkaitan dengan item ini. Walaupun jumlah teramai responden telah memilih kadang-kadang bimbang dengan item ini, namun ianya mampu mempengaruhi tahap kebimbangan yang dihadapi oleh guru-guru di sekolah –sekolah yang dikaji.
- Bagi item 26 iaitu item tentang hubungan pelajar dan guru yang tidak mesra ,skor min yang diperolehi ialah sebanyak 2.71. Seramai 5 orang guru (6.8%) telah menyatakan sangat tidak bimbang, 28 orang guru (38.4%) menyatakan

tidak bimbang, 27 orang guru (37.0%) menyatakan kadang-kadang bimbang, 9 orang guru (12.3%) menyatakan bimbang manakala 4 orang guru (5.5%) menyatakan sangat bimbang. Ini bermaksud masih terdapat perasaan bimbang di kalangan responden dengan item ini. Dapat dilihat dengan jelas bahawa jumlah teramai responden telah memilih kadang-kadang bimbang berbanding tahap kebimbangan yang lain. Namun demikian ianya masih berada pada tahap bimbang memandangkan kebanyakan responden menyatakan kadang-kadang bimbang, bimbang dan sangat bimbang berbanding responden yang menyatakan sangat tidak bimbang dan tidak bimbang.

Secara keseluruhan didapati bahawa kesemua item berada pada tahap bimbang di mana skor min adalah dari 2.71 hingga ke 3.71, ini dapat dilihat dengan jelas dalam Jadual 4.5 di atas. Keputusan ini menggambarkan bahawa guru-guru berasa bimbang dengan sikap dan reaksi pelajar-pelajar di sekolah. Item yang mendapat skor min tertinggi ialah pelajar yang tidak berminat dalam pelajaran, keadaan ini sudah tentu akan menyebabkan prestasi akademik mereka akan merosot. Apabila ini berlaku sudah tentu guru-guru akan menerima tekanan dari pihak pentadbir sekolah dan pihak ibubapa yang mengharapkan pencapaian akademik yang terbaik baik dari pelajar maupun anak-anak.

4. PIBG (Persatuan Ibu Bapa Dan Guru)

Jadual 4.6 : Taburan Kekerapan Tahap Kebimbangan Profesional Guru-Guru Terhadap PIBG (Persatuan Ibu Bapa dan Guru)

Bil.	PIBG	Tahap Kebimbangan Guru (Kekerapan dan Peratus)					
		Sangat tidak bimbang	Tidak bimbang	Kadang-kadang bimbang	Bimbang	Sangat bimbang	Min
27	Sikap tidak mengambil berat tentang pelajaran anak-anak.	7 9.6%	17 23.3%	22 30.1%	12 16.4%	15 20.5%	3.15
28	Sikap suka menyalahkan pentadbir sekolah dan guru.	7 9.6%	19 26.0%	25 34.2%	8 11.0%	14 19.2%	3.04
29	Reaksi terhadap pihak sekolah apabila anak dikenakan tindakan disiplin.	6 8.2%	21 28.8%	28 38.4%	8 11.0%	10 13.7%	2.93
30	Membina hubungan yang rapat dengan pihak sekolah berkaitan perkembangan anak-anak.	12 16.4%	31 42.5%	18 24.7%	8 11.0%	4 5.5%	2.47
31	Bekerjasama dengan pihak sekolah untuk menyelesaikan masalah salahlaku pelajar.	11 15.1%	33 45.2%	20 27.4%	6 8.2%	3 4.1%	2.41
32	Sumbangan pemikiran dan idea-idea baru.	10 13.7%	32 43.8%	26 35.6%	2 2.7%	3 4.1%	2.40
33	Penglibatan dalam memajukan prestasi akademik pelajar.	14 19.2%	27 37.0%	24 32.9%	7 9.6%	1 1.4%	2.37
34	Sumbangan kewangan dan tenaga.	10 13.7%	34 46.6%	23 31.5%	5 6.8%	1 1.4%	2.36
35	Berkongsi ilmu dan pengalaman dengan guru-guru	14 19.2%	30 41.1%	21 28.8%	7 9.6%	1 1.4%	2.33

Pada Jadual 4.6 skor min bagi tahap kebimbangan proesional guru-guru terhadap peranan PIBG di sekolah menunjukkan wujudnya perasaan bimbang di kalangan guru-guru. Item-item di dalam jadual di atas mempunyai nilai min antara 2.33 hingga 3.15. Dapatan kajian adalah seperti berikut :

- Bagi item 27 iaitu tentang sikap tidak mengambil berat tentang pelajaran anak-anak, min item ialah 3.15. Seramai 7 orang guru (9.6%) menyatakan sangat tidak bimbang, 17 orang guru (23.3%) menyatakan tidak bimbang, 22 orang guru (30.1%) menyatakan kadang-kadang bimbang, 12 orang guru (16.4%) menyatakan bimbang manakala 15 orang guru (20.5%) menyatakan sangat bimbang. Ini bermaksud responden masih bimbang dengan item ini. Walaupun jumlah teramai responden telah memilih kadang-kadang bimbang dengan item ini, namun ianya mampu mempengaruhi tahap kebimbangan yang dihadapi oleh guru-guru di sekolah –sekolah yang dikaji.
- Bagi item 28 iaitu tentang sikap suka menyalahkan pentadbir sekolah dan guru, min item ialah 3.04. Seramai 7 orang guru (9.6%) telah menyatakan sangat tidak bimbang, 19 orang guru (26.0%) menyatakan tidak bimbang, 8 orang guru (11.0%) menyatakan bimbang dan 14 orang guru (19.2%) menyatakan sangat bimbang. Kumpulan terbesar iaitu seramai 25 orang (34.2%) menyatakan kadang-kadang bimbang. Ini bermaksud masih terdapat perasaan bimbang di kalangan responden dengan item ini. Dapat dilihat dengan jelas bahawa jumlah teramai responden telah memilih kadang-kadang bimbang berbanding tahap

kebimbangan yang lain. Namun demikian ianya masih berada pada tahap bimbang memandangkan kebanyakan responden menyatakan kadang-kadang bimbang, bimbang dan sangat bimbang berbanding responden yang menyatakan sangat tidak bimbang dan tidak bimbang.

- Bagi item 29 iaitu tentang reaksi terhadap pihak sekolah apabila anak dikenakan tindakan disiplin, min item ialah 2.93. Seramai 6 orang guru (8.2%) memilih sangat tidak bimbang, 21 orang guru (28.8%) memilih tidak bimbang, 28 orang guru (38.4%) memilih kadang-kadang bimbang, 8 orang guru (11.0%) memilih bimbang manakala seramai 10 orang guru (13.7%) memilih sangat bimbang. Jelas kelihatan di atas jumlah responden yang memilih untuk tidak bimbang adalah lebih ramai berbanding responden yang bimbang. Namun demikian masih ramai responden yang menyatakan kadang-kadang bimbang, mungkin kerana mereka beranggapan item ini membimbangkan mereka pada waktu-waktu tertentu sahaja.
- Bagi item 30 iaitu tentang membina hubungan yang rapat dengan pihak sekolah berkaitan perkembangan anak-anak, min item ialah 2.47. Seramai 12 orang guru (16.4%) menyatakan sangat tidak bimbang, 31 orang guru (42.5%) iaitu kmupulan yang terbesar telah menyatakan tidak bimbang, 18 orang guru (24.7%) menyatakan kadang-kadang bimbang, 8 orang guru (11.0%) manakala seramai 4 orang guru (5.5%) telah menyatakan sangat bimbang. Ini bermaksud hampir kesemua responden merasa tidak bimbang dengan item ini berbanding

responden yang menyatakan bimbang. Di samping itu jumlah kedua terbesar responden telah menyatakan kadang-kadang bimbang manakala jumlah terkecil responden telah menyatakan tidak bimbang.

- Bagi item 31 iaitu tentang bekerjasama dengan pihak sekolah untuk menyelesaikan masalah salahlaku pelajar, min item ialah 2.41. Seramai 11 orang guru (15.1%) menyatakan sangat tidak bimbang dan 33 orang guru (45.2%) iaitu kumpulan terbesar menyatakan tidak bimbang. Seramai 20 orang guru (27.4%) menyatakan kadang-kadang bimbang, 6 orang guru (8.2%) menyatakan bimbang manakala seramai 3 orang guru (4.1%) menyatakan sangat bimbang. Ini bermaksud sejumlah besar responden merasa tidak bimbang dengan item ini berbanding responden yang memilih bimbang.

- Bagi item 32 iaitu tentang sumbangan pemikiran dan idea-idea baru, min item ialah 2.40. Seramai 10 orang guru (13.7%) menyatakan sangat tidak bimbang, 32 orang guru (43.8%) iaitu kumpulan yang terbesar menyatakan tidak bimbang berbanding 26 orang guru (35.6%) yang menyatakan kadang-kadang bimbang manakala 2 orang guru (2.7%) menyatakan bimbang dan seramai 3 orang guru (4.1%) menyatakan sangat bimbang. Jelas kelihatan di atas jumlah responden yang memilih untuk tidak bimbang adalah lebih ramai berbanding responden yang bimbang. Namun demikian masih ramai responden yang menyatakan kadang-kadang bimbang, mungkin kerana mereka beranggapan item ini membimbangkan mereka pada waktu-waktu tertentu sahaja.

- Bagi item 33 iaitu tentang penglibatan dalam memajukan prestasi akademik pelajar, min item ialah 2.37. Seramai 14 orang guru (19.2%) menyatakan sangat tidak bimbang, 27 orang guru (37.0%) menyatakan tidak bimbang, 24 orang guru (32.9%) menyatakan kadang-kadang bimbang, 7 orang guru (9.6%) menyatakan bimbang dan seorang guru (1.4%) menyatakan sangat bimbang, iaitu jumlah terkecil responden bagi item ini. Masih kelihatan jelas di atas jumlah responden yang memilih untuk tidak bimbang adalah lebih ramai berbanding responden yang bimbang. Namun demikian masih ramai responden yang menyatakan kadang-kadang bimbang, mungkin kerana mereka beranggapan item ini hanya membabitkan kalangan ibubapa dan pihak pentadbir sekolah.

- Bagi item 34 iaitu tentang sumbangan kewangan dan tenaga, min item ialah 2.36. Seramai 10 orang guru (13.7%) menyatakan sangat tidak bimbang, 34 orang guru (46.6%) menyatakan tidak bimbang, 23 orang guru (31.5%) memilih kadang-kadang bimbang, 5 orang guru (6.8%) menyatakan bimbang dan seorang guru (1.4%) menyatakan bimbang. Jelas kelihatan di atas jumlah responden yang memilih untuk tidak bimbang adalah lebih ramai berbanding responden yang bimbang. Namun demikian masih ramai responden yang menyatakan kadang-kadang bimbang, mungkin kerana mereka beranggapan item ini membimbangkan mereka pada waktu-waktu tertentu sahaja.

- Bagi item 35 iaitu tentang berkongsi ilmu dan pengalaman dengan guru-guru, min item ialah 2.33. Seramai 14 orang guru (19.2%) menyatakan sangat tidak bimbang, 30 orang guru (41.1%) menyatakan tidak bimbang, 21 orang guru (28.8%) menyatakan kadang-kadang bimbang, 7 orang guru (9.6%) menyatakan bimbang dan seorang guru (1.4%) menyatakan sangat bimbang. Ini bermaksud hampir kesemua responden merasa tidak bimbang dengan item ini berbanding responden yang menyatakan bimbang. Di samping itu jumlah kedua terbesar responden telah menyatakan kadang-kadang bimbang manakala jumlah terkecil responden telah menyatakan tidak bimbang.

Secara keseluruhnya didapati bahawa kesemua item berada pada tahap bimbang kecuali satu item berada pada tahap tidak bimbang. Item tersebut ialah berkongsi ilmu dan pengalaman dengan guru-guru dan ini dapat lihat dengan jelas dalam Jadual 4.6 di atas. Keputusan ini menggambarkan bahawa guru-guru berada bimbang dengan sikap PIBG dalam menangani dan menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan sikap pelajar atau anak-anak mereka sekolah.

5. Tugas sebagai Guru

Jadual 4.7 : Jadual Kekerapan Tahap Kebimbangan Profesional Guru-Guru Terhadap Tugas Sebagai Seorang Guru

Bil	Tugas sebagai guru	Tahap Kebimbangan Guru (Kekerapan dan Peratus)						Min
		Sangat tidak bimbang	Tidak bimbang	Kadang-kadang bimbang	Bimbang	Sangat bimbang		
36	Beban kerja yang terlalu banyak	5 6.8%	14 19.2%	29 39.7%	17 23.3%	8 11.0%		3.12
37	Tugas bukan mengajar yang dipertanggungjawabkan	7 9.6%	20 27.4%	22 30.1%	17 23.3%	7 9.6%		2.96
38	Mengajar mata pelajaran bukan opsyen	8 11.0%	18 24.7%	26 35.6%	14 19.2%	7 9.6%		2.92
39	Mengajar pelajar lemah atau lembam	12 16.4%	18 24.7%	24 32.9%	14 19.2%	5 6.8%		2.75
40	Mengajar lebih waktu	11 15.1%	24 32.9%	27 37.0%	8 11.0%	3 4.1%		2.56
41	Aktiviti sekolah pada hujung minggu	8 11.0%	29 39.7%	28 38.4%	5 6.8%	3 4.1%		2.53
42	Proses pencerapan oleh pihak pentadbir	8 11.0%	32 43.8%	28 38.4%	2 2.7%	3 4.1%		2.45
43	Dipaksa mengadakan kelas tambahan	10 13.7%	35 47.9%	20 27.4%	5 6.8%	3 4.1%		2.40

Pada Jadual 4.7 skor min bagi tahap kebimbangan profesional guru-guru terhadap tugas sebagai guru di sekolah menunjukkan wujudnya perasaan bimbang

di kalangan guru-guru. Item-item di dalam jadual di atas mempunyai nilai min antara 2.40 hingga 3.12.. Dapatan kajian adalah seperti berikut :

- Bagi item 36 iaitu tentang beban kerja yang terlalu banyak, min item ialah 3.12 , seramai 5 orang guru (6.8%) menyatakan sangat tidak bimbang, 14 orang guru (19.2%) menyatakan tidak bimbang, seramai 29 orang guru (39.7%) iaitu kumpulan terbesar bagi item ini menyatakan kadang-kadang bimbang , 17 orang guru (23.3%) menyatakan bimbang manakala 8 orang guru (11.0%) menyatakan sangat bimbang. Ini bermaksud responden masih bimbang dengan item ini. Walaupun jumlah teramai responden telah memilih kadang-kadang bimbang dengan item ini, namun ianya mampu mempengaruhi tahap kebimbangan yang dihadapi oleh guru-guru di sekolah –sekolah yang dikaji.

- Bagi item 37 iaitu tentang tugas bukan mengajar yang dipertanggungjawabkan, min item ialah 2.96. Seramai 7 orang guru (9.6%) menyatakan sangat tidak bimbang, 20 orang guru (27.4%) menyatakan tidak bimbang. 22 orang guru (30.1%) menyatakan kadang-kadang bimbang, seramai 17 orang guru (23.3%) menyatakan bimbang dan seramai 7 orang guru (9.6%) menyatakan sangat bimbang. Manakala seramai 24 orang guru (32.9%) menyatakan bimbang . Ini bermaksud responden masih bimbang dengan item ini. Walaupun jumlah teramai responden telah memilih kadang-kadang bimbang dengan item ini, namun ianya mampu mempengaruhi tahap kebimbangan responden.

- Bagi item 38 iaitu tentang mengajar mata pelajaran bukan opsyen, min item ialah 2.75. Seramai 8 orang guru (11.0%) menyatakan sangat tidak bimbang , 18 orang guru (24.7%) menyatakan tidak bimbang, 26 orang guru (35.6%) menyatakan kadang-kadang bimbang, seramai 14 orang guru (19.2%) menyatakan bimbang manakala seramai 7 orang guru (9.6%) menyatakan sangat bimbang bagi item ini.Seramai 21 orang sampel (28.8%) menyatakan bimbang apabila diarahkan untuk mengajar mata pelajaran bukan opsyen di sekolah. Ini bermaksud guru-guru merasa bimbang jika diarahkan mengajar mata pelajaran bukan opsyen, mungkin kerana guru-guru bimbang dan kurang berkeyakinan untuk mengajar mata pelajaran tersebut.
- Bagi item 39 iaitu tentang mengajar pelajar lemah atau lembam, min item ialah 2.75. Seramai 12 orang guru (16.4%) menyatakan sangat tidak bimbang, 18 orang (24.7%) menyatakan tidak bimbang , 24 orang guru (32.9%) menyatakan kadang-kadang bimbang, 14 orang guru (14.2%) menyatakan bimbang manakala 5 orang guru (6.8%) menyatakan sangat bimbang. Ini bermaksud kebanyakannya responden merasa tidak bimbang jika diarahkan untuk mengajar pelajar lemah atau lembam.
- Bagi item 40 iaitu tentang mengajar lebih waktu, min item ialah 2.56. Seramai 11 orang guru (15.1%) menyatakan sangat tidak bimbang, 24 orang guru (32.9%) menyatakan tidak bimbang, 27 orang guru (37.0%) menyatakan

kadang-kadang bimbang, 8 orang guru (11.0%) menyatakan bimbang manakala 3 orang guru (4.1%) menyatakan sangat bimbang. Seramai 11 orang guru (15.1%) menyatakan bimbang. Jelas kelihatan di atas jumlah responden yang memilih untuk tidak bimbang adalah lebih ramai berbanding responden yang bimbang. Namun demikian masih ramai responden yang menyatakan kadang-kadang bimbang, mungkin kerana mereka beranggapan item ini membimbangkan mereka pada waktu-waktu tertentu sahaja.

- Bagi item 41 iaitu tentang aktiviti sekolah pada hujung minggu, min item ialah 2.53. Seramai 8 orang guru (11.0%) menyatakan sangat tidak bimbang, 29 orang guru (39.7%) menyatakan tidak bimbang, 28 orang guru (38.4%) menyatakan kadang-kadang bimbang, 5 orang guru (6.8%) menyatakan bimbang dan 3 orang guru (4.1%) menyatakan sangat bimbang. Ini bermaksud hampir kesemua responden merasa tidak bimbang dengan item ini berbanding responden yang merasa bimbang.

- Bagi item 42 iaitu tentang proses pencerapan oleh pihak pentadbir, min item ialah 2.45.. Seramai 8 orang guru (11.0%) menyatakan sangat tidak bimbang, 32 orang guru (43.8%) menyatakan tidak bimbang, 28 orang guru (38.4%) menyatakan kadang-kadang bimbang, seramai 2 orang guru (2.7%) menyatakan bimbang manakala seramai 3 orang guru (4.1%) menyatakan sangat bimbang. Ini bermaksud responden tidak bimbang dengan proses pencerapan yang dilakukan oleh pihak pentadbir.

- Bagi item 43 iaitu tentang dipaksa untuk mengadakan kelas tambahan, min item ialah 2.40. seramai 10 orang guru(13.7%) menyatakan tidak bimbang, 35 orang guru (47.9%) menyatakan tidak bimbang, 20 orang guru(27.4%) menyatakan kadang-kadang bimbang, 5 orang guru(6.8%) menyatakan bimbang manakala kumpulan yang terkecil iaitu seramai 3 orang guru(4.1%) menyatakan sangat bimbang apabila terpaksa mengadakan kelas tambahan.Ini bermaksud masih ramai responden yang tidak bimbang dengan item ini berbanding responden yang bimbang. Jumlah kedua terbesar ialah responden yang memilih kadang-kadang bimbang untuk item ini. Ini amat mempengaruhi tahap kebimbangan responden memandang responden yang menyatakan kadang-kadang bimbang berkemungkinan merasa bimbang pada waktu-waktu tertentu sahaja.

Secara keseluruhanya didapati bahawa kesemua item berada pada tahap bimbang dan ini dapat ilihat dengan jelas dalam Jadual 4.7 di atas.Item yang mendapat skor min tertinggi ialah item beban kerja yang terlalu banyak berbanding item-item lain. Keputusan ini menggambarkan bahawa guru-guru berasa bimbang dengan tugas-tugas sebagai guru memandangkan terlalu banyak bebanan kerja yang perlu dipikul oleh guru-guru.

6. Tempat / Persekutaran

Jadual 4.8 : Jadual Taburan Kekerapan Tahap Kebimbangan Profesional Guru-Guru Terhadap Tempat / Persekutaran

Bil.	Tempat / Persekutaran	Tahap Kebimbangan Guru (Kekerapan dan Peratus)					
		Sangat tidak bimbang	Tidak bimbang	Kadang-kadang bimbang	Bimbang	Sangat bimbang	Min
44	Persekutaran yg. tidak menggalakkan perkembangan dan percambahan idea guru dan pelajar.	10 13.7%	23 31.5%	21 28.8%	12 16.4%	7 9.6%	2.77
45	Penempatan yang tidak sesuai	12 16.4%	31 42.5%	19 26.0%	6 8.2%	5 6.8%	2.47
46	Sukar mendapat kenderaan ke sekolah.	19 26.0%	26 35.6%	15 20.5%	8 11.0%	5 6.8%	2.37
47	Persekutaran yang tidak sesuai untuk bertugas.	17 23.3%	30 41.1%	14 19.2%	8 11.0%	4 5.5%	2.34
48	Jarak dari rumah ke sekolah	19 26.0%	28 38.4%	19 26.0%	3 4.1%	4 5.5%	2.25
49	Jauh dari bandar.	17 23.3%	35 47.9%	12 16.4%	5 6.8%	4 5.5%	2.23

Pada Jadual 4.8 skor min bagi tahap kebimbangan profesional guru-guru terhadap tempat atau persekitaran tempat bertugas.Jika dilihat pada skor min yang

tertera dalam jadual masih menunjukkan wujudnya perasaan bimbang di kalangan guru-guru. Item-item di dalam jadual di atas mempunyai nilai min antara 2.33 hingga 3.15.. Dapatan kajian adalah seperti berikut :

- Bagi item 44 iaitu tentang persekitaran yang tidak menggalakkan perkembangan dan percambahan idea guru dan pelajar, min yang diperolehi ialah 2.77 di mana 10 orang guru(13.7%) menyatakan sangat tidak bimbang, 23 orang guru (31.5%) menyatakan tidak bimbang, 21 orang guru (28.8%) menyatakan kadang-kadang bimbang, 12 orang guru (16.4%) menyatakan bimbang manakala seramai 7 orang guru (9.6%) menyatakan sangat bimbang untuk item ini. Ini bermaksud ramai responden memilih tidak bimbang dengan item ini. Dapat dilihat dengan jelas bahawa jumlah kedua teramai responden telah memilih kadang-kadang bimbang berbanding tahap kebimbangan yang lain.
- Bagi item 45 iaitu tentang penempatan yang tidak sesuai, min item ialah 2.47. Seramai 12 orang guru(16.4%) menyatakan sangat tidak bimbang, 31 orang guru (42.5%) menyatakan tidak bimbang, 19 orang guru(26.0%) menyatakan kadang-kadang bimbang, 6 orang guru(8.2%) menyatakan bimbang dan 5 orang guru(6.8%) menyatakan sangat bimbang untuk item ini. Hampir kesemua responden merasa tidak bimbang untuk item ini mungkin kerana mereka selesa dan sesuai dengan persekitaran tempat bertugas, kecuali 11 orang responden (15.1%) merasa bimbang dan sangat bimbang. Ini berlaku mungkin kerana

responden baru bertugas di sekolah tersebut ataupun mempunyai masalah lain yang boleh mempengaruhi tahap kebimbangan profesional guru-guru.

- Bagi item 46 iaitu tentang sukar mendapat kenderaan ke sekolah, min item ialah 2.37. Seramai 19 orang guru (26.0%) menyatakan sangat tidak bimbang, 26 orang guru(35.6%) menyatakan tidak bimbang, 15 orang guru(20.5%) menyatakan kadang-kadang bimbang, 8 orang guru (11.0%) menyatakan bimbang manakala 5 orang guru(6.8%) menyatakan sangat bimbang. Ini bermaksud masih ramai responden yang tidak bimbang dengan item ini berbanding responden yang bimbang. Jumlah kedua terbesar ialah responden yang memilih sangat tidak bimbang selepas jumlah responden yang menyatakan tidak bimbang untuk item ini.
- Bagi item 47 iaitu tentang persekitaran yang tidak sesuai untuk bertugas, min item ialah 2.34. Seramai 17 orang guru (23.3%) menyatakan sangat tidak bimbang, 30 orang guru(41.1%) menyatakan tidak bimbang, 14 orang guru (19.2%) menyatakan kadang-kadang bimbang, 8 orang guru(11.0%) menyatakan bimbang manakala seramai 4 orang guru (5.5%) menyatakan sangat bimbang. Jelas menunjukkan bahawa berdasarkan peratusan setiap tahap kebimbangan di atas responden merasa tidak bimbang dengan item ini, memandangkan jumlah teramai responden iaitu 30 orang guru telah menyatakan tidak bimbang.

- Bagi item 48 iaitu tentang jarak dari rumah ke sekolah, min item ialah 2.25%. Seramai 19 orang guru(26.0%) menyatakan sangat tidak bimbang, 28 orang guru (38.4%) menyatakan tidak bimbang, 19 orang guru(26.0%) menyatakan kadang-kadang bimbang, seramai 3 orang guru(4.1%) menyatakan bimbang manakala 4 orang guru(5.5%) menyatakan sangat bimbang. Dari jadual di atas, untuk item jarak ke sekolah jelas kelihatan seramai 66 orang responden (90.4%) merasa tidak bimbang. Mungkin kerana mereka mempunyai kenderaan sendiri atau tinggal berhampiran dengan sekolah berbanding 7 orang responden(9.6%) yang merasa bimbang dengan item ini.
- Untuk item 49 iaitu tentang jauh dari Bandar, min item ialah 2.23. Jelas kelihatan seramai 5 orang guru(6.8%) menyatakan bimbang dan 4 orang guru(5.5%) menyatakan sangat bimbang. Seramai 17 orang guru(23.3%) menyatakan sangat tidak bimbang, 35 orang guru(47.9%) menyatakan tidak bimbang manakala seramai 12 orang guru(16.4%) menyatakan kadang-kadang bimbang. Ini berlaku kerana hampir kesemua responden bertugas di sekolah-sekolah yang berada di sekitar Pelabuhan Klang, sebaliknya keputusan mungkin berubah sekiranya kajian dilakukan di kawasan yang terletak lebih jauh dari bandar.

Secara keseluruhannya didapati bahawa kesemua item berada pada tahap bimbang kecuali dua item iaitu jarak dari rumah ke sekolah dan jauh dari bandar, ini dapat ilihat dengan jelas dalam Jadual 4.8 di atas. Item yang mendapat skor min

tertinggi ialah item persekitaran yang tidak menggalakkan perkembangan dan percambahan idea guru serta pelajar. Keputusan ini menggambarkan bahawa guru-guru berasa bimbang dengan tempat dan persekitaran bertugas terutama sekali bagi guru yang baru ditugaskan di tempat tersebut. Ini mungkin berkait rapat dengan masalah pengangkutan ke sekolah dan faktor persekitaran tempat bertugas yang baru kepada seseorang guru.

7. Dasar-dasar pendidikan

Jadual 4.9 : Taburan Kekerapan Tahap Kebimbangan Profesional Guru-Guru Terhadap Dasar-Dasar Pendidikan.

Bil	Dasar-dasar pendidikan	Tahap Kebimbangan Guru (Kekerapan dan Peratus)					
		Sangat bimbang	Tidak bimbang	Kadang-kadang bimbang	Bimbang	Sangat bimbang	Min
50	Hilang peluang kenaikan pangkat kerana gagal menguasai Bahasa Inggeris	12 16.4%	22 30.1%	26 35.6%	8 11.0%	5 6.8%	2.61
51	Pengajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris.	11 15.1%	29 39.7%	23 31.5%	8 11.0%	2 2.7%	2.47
52	Penggunaan komputer dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran.	12 16.4%	29 39.7%	25 34.2%	7 9.6%		2.37
53	Pemberian eluan kritikal pada guru-guru Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris.	19 26.0%	30 41.1%	16 21.9%	5 6.8%	3 4.1%	2.22
54	Terpaksa menghadiri kursus dalam perkhidmatan.	15 20.5%	34 46.6%	20 27.4%	2 2.7%	2 2.7%	2.21

Pada Jadual 4.9 skor min bagi tahap kebimbangan proesional guru-guru terhadap dasar-dasar pendidikan seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia berada pada tahap bimbang. Dapatan kajian adalah seperti berikut :

- Bagi item 50 iaitu tentang hilang peluang kenaikan pangkat kerana gagal menguasai Bahasa Inggeris, min item ialah 2.61. Seramai 12 orang guru (16.4%) menyatakan sangat tidak bimbang, 22 orang guru(30.1%) menyatakan tidak bimbang, 26 orang guru(35.6%) menyatakan kadang-kadang bimbang, 8 orang guru(11.0%) menyatakan bimbang dan 5 orang guru(6.8%) menyatakan sangat bimbang. Untuk ini jelas kelihatan seramai 60 orang responden (82.1%) merasakan tidak bimbang dengan item ini manakala selebihnya merasa bimbang.

- Bagi item 51 iaitu tentang pengajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris, min item ialah 2.47. Seramai 11 orang guru(15.1%) menyatakan sangat tidak bimbang, 29 orang guru(39.7%) menyatakan tidak bimbang, 23 orang guru(31.5%) menyatakan kadang-kadang bimbang, 8 orang guru(11.0%) menyatakan bimbang manakala 2 orang guru(2.1%) iaitu jumlah terkecil menyatakan sangat bimbang dengan item ini. Ini bermaksud ramai responden yang tidak bimbang dengan item ini berbanding responden yang bimbang.

Jumlah kedua terbesar ialah responden yang memilih kadang-kadang bimbang untuk item ini.

- Bagi item 52 iaitu tentang penggunaan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran, min item ialah 2.37. Seramai 12 orang guru(16.4%) menyatakan sangat tidak bimbang, 29 orang guru(39.7%) menyatakan tidak bimbang, 25 orang guru(34.2%) menyatakan kadang-kadang bimbang dan 7 orang guru (9.6%) menyatakan bimbang. Untuk item ini tiada sampel yang bersetuju dengan sangat bimbang mungkin kerana kebanyakkan guru pernah dan mahir menggunakan komputer.
- Bagi item seterusnya iaitu tentang pemberian elaun kritikal pada guru-guru Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris, min item ialah 2.22. Seramai 19 orang guru(26.0%) menyatakan sangat tidak bimbang, 30 orang guru(41.1%) menyatakan tidak bimbang, 16 orang guru(21.9%) menyatakan kadang-kadang bimbang, seramai 5 orang guru(6.8%) menyatakan bimbang manakala seramai 3 orang guru (4.1%) telah menyatakan sangat bimbang. Ini bermaksud ramai responden merasa tidak bimbang dengan item ini, berkemungkinan kerana pemberian elaun kritikal ini bukanlah satu perkara yang menganggu serta mempegaruhi tahap keimbangan responden di sekolah-sekolah yang dikaji.

- Bagi item yang terakhir iaitu item 54 tentang terpaksa menghadiri kursus dalam perkhidmatan, min item ialah 2.21. Seramai 15 orang guru(20.5%) menyatakan sangat tidak bimbang, 34 orang guru(46.6%) menyatakan bimbang, 20 orang guru (27.4%) menyatakan kadang-kadang bimbang, 2 orang guru (2.7%) menyatakan bimbang manakala 2 orang guru(2.7%) telah menyatakan sangat bimbang. Ini bermaksud ramai responden merasa tidak bimbang dengan item ini. Jumlah teramai responden iaitu 34 orang telah menyatakan tidak bimbang, ini amat mempengaruhi keputusan tahap kebimbangan responden bagi item ini.

Secara keseluruhanya didapati bahawa kesemua item berada pada tahap bimbang dan ini dapat lihat dengan jelas dalam Jadual 4.9 di atas. Daripada lima item, tiga item berada pada tahap bimbang (min 2.37 hingga 2.61) manakala dua lagi item berada pada tahap tidak bimbang (min 2.21 dan 2.22). Keputusan ini menggambarkan bahawa guru-guru berasa bimbang dengan dasar-dasar pendidikan seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

4.5 Punca-punca kebimbangan profesional di kalangan guru-guru

Untuk menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu apakah punca-punca kebimbangan profesional di kalangan guru-guru berdasarkan keputusan soal selidik, data yang diperolehi telah dianalisa mengikut skor min.Punca-punca kebimbangan yang mendapat skor min tertinggi adalah merupakan punca kebimbangan utama terhadap tahap kebimbangan guru-guru.

Hasil kajian bagi mengenalpasti punca-punca keimbangan dapat dilihat dalam Jadual 5.0 di bawah.

Jadual 5.0 Punca-punca keimbangan di kalangan guru-guru

Bil.	Punca-punca keimbangan	Skor Min
1.	Pelajar-pelajar	3.11
2.	Pihak pengurus dan pentadbir	2.97
3.	Rakan sekerja	2.79
4.	Tugas sebagai guru	2.71
5.	PIBG	2.60
6.	Tempat/ Persekutaran	2.40
7.	Dasar-dasar pendidikan	2.37

Secara keseluruhannya bacaan skor min yang terdapat dalam Jadual 5.1 menunjukkan bahawa tahap keimbangan guru-guru berada pada tahap bimbang tehadap kesemua kategori punca keimbangan. Daripada ketujuh-tujuh kategori punca keimbangan yang terdapat dalam jadual 5.1, jelas menunjukkan bahawa punca keimbangan yang memperolehi skor min yang tertinggi ialah kategori masalah yang wujud di kalangan pelajar-pelajar sekolah yang dikaji.

Berdasarkan kepada jadual di atas kategori ini mendapat skor min yang paling tinggi iaitu 3.11 berbanding skor min kategori-kategori yang lain. Jika dirujuk kepada jadual 4.5 iaitu jadual Kekerapan Taburan Tahap Kebimbangan Profesional Guru-guru Terhadap Pelajar-pelajar, item yang mendapat skor min tertinggi (3.71)

iaitu masalah pelajar yang tidak berminat dalam pelajaran adalah menjadi masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru.

Kategori pihak pengurus dan pentadbir (min 2.97) adalah merupakan punca kebimbangan kedua selepas pelajar-pelajar. Kebimbangan guru-guru terhadap cara pihak pengurus dan pentadbir mengurus sekolah adalah merupakan faktor penggalak utama kepada wujudnya perasaan bimbang di kalangan guru-guru. Punca kebimbangan ketiga ialah rakan sekerja (min 2.79), seterusnya diikuti oleh punca kebimbangan yang lain iaitu tugas sebagai guru (min 2.71), PIBG (min 2.60), tempat atau persekitaran (min 2.40) dan dasar-dasar pendidikan (min 2.37). Jika dilihat pada jadual atas, walaupun tahap kebimbangan guru-guru masih berada di bawah paras sangat bimbang namun demikian ketujuh-tujuh kategori punca kebimbangan yang terdapat dalam jadual adalah merupakan faktor penggalak utama kepada tahap kebimbangan profesional guru-guru di sekolah-sekolah yang dikaji.

4.6 Perhubungan Tahap Kebimbangan Guru-Guru Berdasarkan Jantina.

Untuk menjawab persoalan kajian ketiga, apakah perkaitan antara perhubungan tahap kebimbangan berdasarkan jantina data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan ANOVA satu hala untuk menentukan adanya perkaitan antara pembolehubah ialah pada paras $p < 0.05$. Tahap kebimbangan guru-guru dibahagikan kepada tujuh aspek utama yang mengandungi sebanyak 54 item iaitu seperti pihak pengurusan dan pentadbir, rakan sekerja, pelajar-pelajar, PIBG, tugas sebagai seorang

guru, tempat dan persekitaran serta pelaksanaan dasar-dasar pendidikan. Hasil kajian bagi mengenalpasti perhubungan tahap kebimbangan guru-guru berdasarkan jantina dapat dilihat dalam Jadual 5.1 di bawah .

Jadual 5.1 Perkaitan Antara Tahap Kebimbangan Profesional Guru-Guru

Berdasarkan Jantina

Bil.	Pihak Pengurus Dan Pentadbir	F	Sigifikan
1	Mentadbir secara paksaan	2.102	.152
2	Menggunakan ugutan	-	-
3	Mengkritik kerja-kerja yang tidak bermutu secara terbuka	1.388	.243
4	Enggan menjelaskan tindakan	3.920	.052
5	Bertindak tanpa berunding dahulu dengan guru	4.266	.043
6	Mendedahkan masalah peribadi guru	1.848	.178
7	Tidak menerima cadangan guru-guru	9.135	.003
8	Tidak perihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh guru-guru	5.204	.026
9	Tidak mendapatkan persetujuan guru-guru terlebih dahulu sebelum meneruskan sesuatu perkara penting	9.343	.003
10	Mengenakan tekanan terhadap guru-guru	6.106	.016
11	Harapan pihak pentadbir yang terlalu tinggi terhadap guru-guru	5.506	.022
12	Pelbagai corak iklim sekolah	2.782	.100
13	Pelbagai budaya sekolah	7.666	.007
14	Sikap pilih kasih dalam penilaian prestasi untuk kenaikan gaji (SSM)	4.536	.037
15	Melanjutkan pelajaran tidak digalakkan	1.551	.217
16	Mengikuti kursus dalam perkhidmatan tidak digalakkan	.357	.552

- Signifikan pada aras $p < 0.05$

Bil.	Rakan Sekerja	F	Signifikan
17	Sikap tidak mesra di kalangan guru-guru	.682	.412
18	Rakan sekerja yang suka mengadu kepada pihak pentadbir	4.788	.032
19	Kritikan negatif oleh rakan	.077	.782
20	Rakan sekerja yang tidak bekarjasama	.260	.612
21	Sikap suka berpuak-puak	1.919	.170

- Signifikan pada aras $p < 0.05$

Bil.	Pelajar-Pelajar	F	Signifikan
22	Sikap dan penerimaan murid terhadap pengajaran	1.160	.285
23	Pengurusan dan kawalan kelas ,pelajar bermasalah disiplin	.169	.682
24	Reaksi pelajar terhadap tindakan guru	.232	.632
25	Hubungan pelajar dan guru yang tidak mesra	.779	.380
26	Pelajar yang tidak berminat dalam pelajaran	.886	.350

- Signifikan pada aras $p < 0.05$

Bil.	PIBG	F	Signifikan
27	Berkongsi ilmu dan pengalaman dengan guru-guru	1.494	.226
28	Penglibatan dalam memajukan prestasi akademik pelajar.	1.437	.235
29	Sumbangan pemikiran dan idea-idea baru.	2.057	.156
30	Sumbangan kewangan dan tenaga.	.881	.351
31	Bekerjasama dengan pihak sekolah untuk menyelesaikan masalah salahlaku pelajar.	1.306	.257
32	Membina hubungan yang rapat dengan pihak sekolah berkaitan perkembangan anak-anak.	1.836	.180
33	Sikap tidak mengambil berat tentang pelajaran anak-anak.	1.672	.200
34	Sikap suka menyalahkan pentadbir sekolah dan guru.	1.466	.230
35	Reaksi terhadap pihak sekolah apabila anak dikenakan tindakan disiplin.	.575	.451

- Signifikan pada aras $p < 0.05$

Bil.	Tugas Sebagai Guru	F	Signifikan
36	Mengajar pelajar lemah atau lembam	.526	.470
37	Mengajar mata pelajaran bukan opsyen	.842	.362
38	Proses pencerapan oleh pihak pentadbir	2.421	.124
39	Tugas bukan mengajar yang dipertanggungjawabkan	2.500	.188
40	Mengajar lebih waktu	.051	.821
41	Dipaksa mengadakan kelas tambahan	1.666	.201
42	Aktiviti sekolah pada hujung minggu	.037	.848
43	Beban kerja yang terlalu banyak	.819	.369

- Signifikan pada aras $p < 0.05$

Bil.	Tempat / Persekutaran	F	Signifikan
44	Penempatan yang tidak sesuai	.281	.597
45	Jauh dari bandar.	.746	.391
46	Sukar mendapat kenderaan ke sekolah.	.100	.753
47	Jarak dari rumah ke sekolah	1.605	.209
48	Persekutaran yang tidak sesuai untuk bertugas.	1.333	.252
49	Persekutaran yg. tidak menggalakkan perkembangan dan percambahan idea guru dan pelajar.	.320	.574

- Signifikan pada aras $p < 0.05$

Bil.	Dasar-Dasar Pendidikan	F	Signifikan
50	Pengajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris.	.923	.340
51	Penggunaan komputer dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran.	2.574	.113
52	Hilang peluang kenaikan pangkat kerana gagal menguasai Bahasa Inggeris	1.412	.239
53	Pemberian elauan kritikal pada guru-guru Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris.	.053	.819
54	Terpaksa menghadiri kursus dalam perkhidmatan.	.127	.723

- Signifikan pada aras $p < 0.05$

Berdasarkan kepada keputusan analisis di atas, terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kebimbangan profesional antara guru-guru berdasarkan jantina dengan beberapa item seperti berikut :

No. Item

5. Bertindak tanpa berunding dahulu dengan guru.
7. Tidak menerima cadangan guru-guru.
8. Tidak perihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh guru-guru.
9. Tidak mendapatkan persetujuan guru-guru terlebih dahulu sebelum meneruskan sesuatu perkara penting.
10. Mengenakan tekanan terhadap guru.
11. Harapan pihak pentadbir yang terlalu tinggi terhadap guru-guru.
13. Pelbagai budaya sekolah.
14. Sikap pilih kasih dalam penilaian prestasi untuk kenaikan gaji (SSM).
18. Rakan sekerja yang suka mengadu kepada pihak pentadbir.